

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATIN PADUKA DR TAN YEE KEW  
[ WANGSA MAJU ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kedudukan terkini berkenaan prestasi pungutan semula PTPTN, strategi dan inisiatif bagi memperkasa pengurusan dana dan tabung pendidikan tinggi memandangkan persekitaran ekonomi yang tidak menentu ketika ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Mei 2020, seramai 2,166,272 peminjam patut mula membayar balik melibatkan jumlah patut dikutip sebanyak RM23.36 bilion. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,761,653 peminjam atau 81.32% telah membuat bayaran balik dengan jumlah kutipan terkumpul sebanyak RM15.49 bilion atau 66.34%.

Antara strategi dan insentif yang telah dilaksanakan PTPTN semasa persekitaran ekonomi yang tidak menentu ketika ini (COVID-19) adalah dengan berkerjasama dengan PERKESO di dalam membantu peminjam mendapatkan peluang pekerjaan, seterusnya berupaya membuat bayaran balik pinjaman mereka, melalui penganjuran '*Virtual Mini Job Hunt for PTPTN Borrowers*' secara dalam talian di mana 20 majikan telah mengambil bahagian dengan menyediakan/ menawarkan 4,609 jawatan kosong.